



PEJABAT SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SABAH  
KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA KERJA-KERJA

Sebut harga ini terbuka kepada Kontraktor Bumiputera yang layak dan masih sah tempoh laku bagi kerja berikut:

BIL.	BUTIR-BUTIR SEBUT HARGA	KELAYAKAN	TARIKH, WAKTU & TEMPAT PENDAFTARAN & TAKLIMAT	TARIKH, WAKTU & TEMPAT LAWATAN TAPAK & EDARAN DOKUMEN	TARIKH DAN WAKTU TAWARAN DITUTUP
1	SUPS/3/2025 KERJA-KERJA PEMBAIKAN KECIL DAN PENYELENGGARAAN BAGI KUARTERS POLITEKNIK KOTA KINABALU (PKK) DAN KUARTERS INSTITUSI PENDIDIKAN SABAH (KIPS) SABAH (BERMASA)	1) CIDB (SPKK) Gred G2 Kategori B  CIDB (PPK) Gred G2 Pengkhususan B24  Sijil Taraf Bumiputera (PKK)  ATAU  2) PUKONSA Kelas E Tajuk II Tajuk Kecil 8(b)  Sijil Pengkirafan Status Perniagaan Anak Negeri Sabah (KUHEANS)  CIDB (PPK) Gred G2	Tarikh: 10 Februari 2025 (Isnin)  Waktu: 02.00 Petang  Lokasi: KUARTERS PANGSAPURI TELUK LIKAS, JALAN BUKIT BENDERA, ARAS BAWAH, BILIK GUNASAMA  PENTING!! PEMILIK SYARIKAT DIWAJIBKAN MENGHADIRI TAKLIMAT  WAJIB BAWA BERSAMA SALINAN LESEN CIDB (SPKK), CIDB (PPK : G2) & SIJIL TARAF BUMI (PKK) ATAU PUKONSA, KUHEANS & CIDB (PPK : G2)	Tarikh: 10 Februari 2025 (Isnin)  Waktu: 02.00 Petang  Lokasi: KUARTERS PANGSAPURI TELUK LIKAS, JALAN BUKIT BENDERA, ARAS BAWAH, BILIK GUNASAMA  DOKUMEN DIEDAR SECARA PERCUMA (Sila bawa <i>Pen-Drive</i> bagi pengambilan dokumen sebut harga)  PENTING!! Dokumen hanya diedarkan kepada PEMILIK SYARIKAT yang menghadiri taklimat sahaja	Tarikh: 17 Februari 2025 (Isnin)  Waktu: 12.00 Tengah hari  Alamat Penghantaran Dokumen Sebut Harga : Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah, Aras 7, Blok A, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah, Jalan UMS, 88400 KOTA KINABALU

**DIEDARKAN KEPADA KONTRAKTOR BUMIPUTERA**

- Dokumen Taklimat dan Sebut Harga hanya dikeluarkan kepada kontraktor yang sah dan layak sahaja. **PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR, SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN DAN SIJIL TARAF BUMIPUTERA DARI LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (LPIPM / CIDB) / SIJIL PUSAT PENDAFTARAN KONTRAKTOR KERJA, BEKALAN DAN PERKHIDMATAN NEGERI SABAH (PUKONSA)** hendaklah masih dalam tempoh sahlaku sekurang-kurangnya **90 hari dari tarikh tutup**.
- Setiap dokumen Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bersaiz A3 atau A4 dan **WAJIB** menulis di sudut atas kiri muka hadapan sampul surat tersebut dengan **Nombor Sebut Harga**.
- Dokumen Sebut Harga yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam Sampul berlakri ke dalam Peti Tawaran di :-  

**PEJABAT SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SABAH, ARAS 7, BLOK A,  
KOMPLEKS PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN SABAH,  
JALAN UMS, 88400 KOTA KINABALU, SABAH**
- Dokumen Sebut Harga yang lewat diterima dan tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan dan Pejabat ini tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan, kelewatan dan sebagainya ke atas dokumen yang dihantar melalui Pos atau Kurier.
- Semua penyebutharga dikehendaki untuk mematuhi *Standard Operating Procedure* (SOP) dan segala arahan berkaitan yang berkuatkuasa sepanjang urusan sebut harga ini.
- Kerajaan adalah tidak terikat menerima Sebut Harga terendah atau mana-mana Sebut Harga.

Tarikh Pengiklanan

03 Februari 2025

MASTINA BINTI IBNU HASSAN

Timbalan Setiausaha Persekutuan Sabah